



PENGUMUMAN
PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEBERANG PERAI UTARA
NOTIS MAKLUMAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR G1 (BUMIPUTERA)
BERDAFTAR DI DAERAH SEBERANG PERAI UTARA FASA 1/2026

Sukacita dimaklumkan bahawa Pejabat Daerah & Tanah Seberang Perai Utara (PDTSPU) dengan kerjasama Jabatan Kerja Raya Seberang Perai Utara (JKR SPU) dan Jabatan Pengairan dan Saliran Seberang Perai Utara (JPS SPU) akan mengadakan **Pendaftaran Kontraktor G1 (Bumiputera) Berdaftar di Daerah Seberang Perai Utara Fasa 1/2026 bagi tujuan Cabutan Undi Kerja Tahun 2026.**

1. Kelayakan Penyertaan

Pendaftaran ini hanya terbuka kepada kontraktor yang memenuhi syarat-syarat berikut:

- Kontraktor Kelas G1 dari Daerah Seberang Perai Utara;
- Pendaftaran CIDB masih sah tempoh laku;
- Mempunyai kod bidang di bawah Kategori B, CE dengan pengkhususan B04, CE01, CE21 dan lain-lain yang berkaitan mengikut keperluan agensi teknikal;
- Mempunyai Sijil Pematuhan Cukai (TCC) yang sah;
- Berdaftar dengan Sistem *e-Perolehan* Kerajaan Negeri Pulau Pinang (*sysP*);
- Berminat untuk menyertai pendaftaran tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.

PENDAFTARAN KONTRAKTOR ATAS TALIAN (Google Form)

TARIKH PENDAFTARAN : 09 – 28 Januari 2026

PAUTAN PENDAFTARAN : <https://forms.gle/3VTDKfmbCEV9Pw4s8>



Scan me!

SESI SEMAKAN & PENGESAHAN DOKUMEN

TARIKH SEMAKAN : 27–28 Januari 2026 (Selasa & Rabu)

WAKTU SEMAKAN : 9.00 Pagi – 1.00 Petang
2.00 Petang – 4.00 Petang

TEMPAT SEMAKAN : Dewan Besar Sungai Dua, Sungai Dua SPU.



PENGUMUMAN
PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEBERANG PERAI UTARA
NOTIS MAKLUMAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR G1 (BUMIPUTERA)
BERDAFTAR DI DAERAH SEBERANG PERAI UTARA FASA 1/2026

2. Ketetapan dan Syarat

1. Kebenaran khas CIDB tidak dibenarkan bagi kontraktor yang tidak mempunyai kod bidang yang disyaratkan.
2. Hanya kontraktor yang:
 - Membuat pendaftaran secara atas talian, dan
 - Hadir ke Sesi Semakan & Pengesahan Dokumen sahaja yang layak menyertai perolehan secara cabutan undi bagi tahun 2026.
3. Pendaftaran selepas tarikh dan masa yang ditetapkan TIDAK AKAN DITERIMA. Kontraktor yang gagal mendaftar boleh memohon pada fasa seterusnya.
4. Penama dalam sijil **WAJIB HADIR** semasa sesi semakan dan pengesahan dokumen manakala wakil adalah tidak dibenarkan.
5. Kontraktor hendaklah membawa **Sijil ASAL** berikut yang masih sah tempoh laku:
 - CIDB (PPK & SPKK)
 - STB
 - TCC
 - Sijil Pendaftaran Syarikat dalam sysP
 - Kad Pengenalan
6. Kegagalan mematuhi syarat dan tempoh yang ditetapkan akan menyebabkan kontraktor tidak dibenarkan menyertai Cabutan Undi Tahun 2026. Sebarang rayuan tidak akan dipertimbangkan.
7. Sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Pejabat Daerah & Tanah Seberang Perai Utara (PDTSPU)

☎ 04-577 6500 sambungan 6562 / 6563 / 6564

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"CEKAP, AKAKUNTABILITI & TELUS"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


YASSIR LUTET BIN AHMAD LUTFI
Ketua Penolong Pegawai Daerah (P)
b.p. Pegawai Daerah,
Seberang Perai Utara
Tel : 04-577 6551



PENGUMUMAN
PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEBERANG PERAI UTARA
NOTIS MAKLUMAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR G1 (BUMIPUTERA)
BERDAFTAR DI DAERAH SEBERANG PERAI UTARA FASA 1/2026



Scan me!